

ATRIBUT PERIBADI GURU YANG PALING DITEKANKAN DAN MEMPUNYAI KONSENSUS DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI LAPAN NEGARA

Lim Kong Teong
Nurul Shahidah binti Ahmad Nasir
Abdull Sukor bin Shaari

ABSTRAK

Kualiti peribadi guru (KPG) amat penting dalam pembentukan guru berkualiti. Guru dengan atribut peribadi yang positif bukan sahaja menjadi contoh teladan kepada pelajar malah dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti atribut peribadi guru yang lazim ditekankan dan cenderung mempunyai konsensus dalam membentuk guru yang berkualiti yang dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah terpuji dalam kalangan pelajar. Sorotan literatur secara komprehensif telah dilakukan dengan meneliti 32 model, kerangka dan standard sedia ada berkaitan KPG dalam sistem pendidikan di lapan buah negara iaitu Malaysia, Amerika Syarikat, England, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun dan Singapura. Hasilnya, beberapa atribut peribadi yang paling ditekankan (daripada sejumlah 91 atribut yang dapat disenaraikan) yang cenderung mempunyai konsensus telah dikenal pasti seperti hormat, prihatin dan adil. Dicadangkan agar kajian susulan dijalankan supaya dapat memberi pemahaman yang lebih jelas berkenaan atribut peribadi tersebut. Diharapkan set atribut peribadi guru yang telah dikenal dapat memberi informasi dan menjadi panduan kepada warga pendidikan khususnya dalam usaha meningkatkan kualiti profesion keguruan di Malaysia.

Kata kunci: kualiti peribadi guru; atribut peribadi; nilai murni; konsensus

PENGENALAN

Kualiti guru merupakan suatu konsep menyeluruh yang bukan sahaja merangkumi komponen pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga komponen kualiti peribadi (ATEE, 2006; Banner & Cannon, 1997; KPM, 2009; Awang & Abdul Wahab, 2016; Jasmi & Nawawi, 2012; Stronge, 2018). Penekanan kepada tiga aspek tersebut iaitu kualiti peribadi guru, pengetahuan dan kemahiran pengajaran adalah perlu untuk menjamin seseorang guru itu berkualiti (KPM, 2009). Sekolah memerlukan guru yang berkualiti (Barber & Mourshed, 2007) kerana guru merupakan ejen perubahan kepada pelajar dan mampu memberi impak kepada keberkesanan sesebuah sekolah (Jamilah Man et al., 2016; Saultz et al., 2021).

Walau bagaimanapun, menurut Martin (2008), kualiti peribadi adalah syarat asas kepada kualiti profesional seorang pekerja. Seiring dengan pengetahuan dan kemahiran pedagogi, guru juga perlu mempunyai atribut peribadi yang betul. Guru perlu mempunyai kualiti peribadi yang sesuai bagi memastikan mereka menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk kepentingan para pelajar (Walker, 2019). Hal ini kerana, tugas guru pada hari ini bukan sekadar menjadi sumber rujukan kepada pelajar dalam mendapatkan ilmu dan memberi motivasi, malah guru juga bertanggungjawab menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar (Eskew, 2004; Rashidi et al. 2014). Menurut Makhsin et al. 2022, kualiti peribadi seseorang guru mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, bagi melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika, guru sendiri perlu memainkan peranan sebagai *role model* kepada pelajar dan kualiti peribadi guru harus dititikberatkan.

Namun begitu, persoalan tentang apa atribut peribadi positif yang patut dimiliki oleh seseorang guru masih menjadi perkara perbincangan dalam literatur ilmiah dan profesional (O'Neill et al., 2014; Strom et al., 2019). Menurut Kim et al. (2017), sungguhpun kajian dalam bidang pendidikan khususnya cenderung mendapati bahawa ciri-ciri guru berkesan sebahagian besarnya adalah berasaskan personaliti, namun kajian berkenaan aspek keperibadian guru masih amat kekurangan. Ini memang dijangka kerana ciri tersembunyi bagi komponen kualiti peribadi menjadikannya lebih sukar diperhati, dikenal pasti dan diukur (Awang & Abdul Wahab, 2016; Peterson, 2016; Siraj & Ibrahim, 2012; Tamim et al., 2017). Maka, kajian bagi mengetahui apakah sebenarnya atribut peribadi guru yang paling diperlukan sebagai seorang pendidik.

Selain itu, melalui sorotan literatur yang dilakukan didapati bahawa tidak ada kesepakatan (konsensus) dalam kalangan pengamal dan penyelidik berkenaan tiada konsensus yang ditemui yang dapat menunjukkan atribut peribadi manakah yang paling penting yang ditekankan dalam kalangan guru. Standard pendidikan di dalam negara dan luar negara ada menyenaraikan atribut peribadi yang tersendiri, namun setiap standard tersebut tidak menyatakan dengan jelas apakah atribut peribadi yang sebenarnya yang paling diperlukan oleh seorang guru atau bakal guru. Oleh itu, terdapat satu keperluan yang signifikan untuk memastikan pihak yang terlibat dengan dunia pendidikan dan profesion keguruan sedar dan tahu atribut peribadi spesifik yang perlu ada pada guru bagi tujuan memperkembangkan dan meningkatkan lagi kualiti guru agar guru dapat menjadi lebih sempurna dalam menjalankan tugas sebagai pendidik dan ejen pembina akhlak para pelajar.

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti atribut peribadi guru yang paling lazim ditekankan dan mempunyai konsensus adalah kritikal dan berpotensi bagi membentuk guru berkualiti dan berpotensi mempengaruhi sikap dan sahsiah pelajar. Analisis dokumen melalui sorotan literatur secara teliti dan komprehensif telah dilakukan terhadap 32 buah model, kerangka dan standard sedia ada berkaitan kualiti peribadi guru dalam sistem pendidikan melibatkan lapan buah negara iaitu Malaysia, Amerika Syarikat, England, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun dan Singapura.

SOROTAN LITERATUR

Guru merupakan individu paling penting dalam proses pembelajaran (Istiyono et al., 2021). Kepelbagaian dalam aspek kualiti pengajaran terhasil melalui ciri-ciri keperibadian yang ada pada seseorang guru (Baier et al., 2019), kerana guru merupakan pusat dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Wanner & Palmar, 2018). Guru mempunyai peranan utama dalam membentuk sahsiah dan sikap pelajar (Sayani, 2015). Pendek kata, guru sangat berpengaruh dalam melahirkan insan berakhlak mulia (Istiyono et al., 2012). Maka, guru itu sendiri seharusnya menambah baik peribadi diri agar berupaya membantu meningkatkan pencapaian akademik (Adewale, 2013) disamping dapat menjadi contoh yang baik kepada pelajar. Pembentukan insan berakhlak mulia telah menjadi satu daripada aspek penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2009; Mohamad Khairi & Asmawati, 2010). Ini jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 2012a) seperti di bawah:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara."

Dalam usaha merealisasikan FPK, guru mempunyai tanggungjawab yang besar dalam melaksanakan hasrat FPK. Guru menjadi *role model* kepada pelajar untuk menimba ilmu. Guru juga merupakan golongan yang memberi impak terhadap perkembangan personaliti, mental dan fizikal setiap manusia. Oleh itu, guru harus memiliki kualiti peribadi yang baik agar berkemampuan membimbing pelajarnya untuk membentuk sifat-sifat atau atribut peribadi yang mulia (Rohana Hamzah et al., 2013). Tambahan lagi, isu kualiti guru harus ditangani bagi membolehkan pencapaian matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 (PPPM 2013-2025) yang menyasarkan Malaysia berada dalam kelompok satu pertiga sistem pendidikan terbaik dunia (Khairul Abidin, 2014).

Secara umumnya, kualiti peribadi guru (KPG) adalah keseluruhan atribut peribadi positif yang dimiliki oleh seseorang guru. Manakala atribut peribadi pula membawa maksud sifat-sifat atau aspek kualiti peribadi yang dimiliki oleh seorang individu yang merangkumi aspek nilai peribadi, kepercayaan, cara berperilaku, tabiat fikiran, dan sikap (Taylor & Wascisko, 2000; West et al., 2018). Guru dengan kualiti peribadi yang baik bukan sahaja dapat membangunkan diri sendiri tetapi juga membangunkan individu yang lain khususnya pelajar. Kekurangan kualiti peribadi yang baik boleh menyebabkan seseorang guru itu tidak berkesan, tidak berjaya, tidak penting, dan tidak dihargai (Opatha & Lim, 2014).

Menurut Đigić (2018) dan Martin (2008), kualiti peribadi merupakan prasyarat kepada kualiti profesional. Kualiti peribadi seseorang guru memainkan peranan utama dalam menambah baik profesionalisme keguruan (Mamat et al., 2018). Maka, seseorang guru seharusnya memiliki peribadi yang baik agar dapat menjalankan tugas sebagai pendidik dengan lebih berkualiti. Beberapa pihak (umpamanya Abdull Sukor, 2001; Banner & Cannon, 1997; Barresi, 2000; Dixon, 2012; Walker, 2019) yang telah menerbitkan artikel dalam topik berkaitan keberkesanan guru telah menyatakan bahawa kualiti peribadi dan kecekapan profesional tertentu adalah kritikal bagi pengajaran yang berjaya di dalam kelas. Dengan kata lain, kualiti peribadi seseorang guru yang mengajar adalah sama pentingnya dengan pengajarannya, iaitu apa yang diajar dan bagaimana beliau mengajarnya. Menurut Saper et al. (2018), antara kepentingan kualiti peribadi kepada guru sendiri ialah: (1) dapat membantu guru menangani masalah tekanan; (2) dapat memperbaiki kemahiran profesional guru; dan (3) dapat memperbaiki keyakinan guru.

Dalam konteks pendidikan di luar negara, KPG kerap dirujuk sebagai disposisi profesional guru. Demi keberkesanan di dalam kelas, guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan disposisi profesional bagi membolehkan mereka berfungsi dengan sempurna (Peterson, 2016). Namun begitu, untuk mendefinisikan apa yang dimaksudkan dengan disposisi adalah sukar (West et al., 2018). Bahkan apa disposisi profesional yang patut dimiliki oleh guru masih menjadi perkara perbincangan (Borko et al., 2007; O'Neill et al., 2014; Strom et al., 2019). Sorotan literatur menunjukkan maksud perkataan "disposisi" sering dikaitkan dengan pelbagai istilah seperti sifat, nilai-nilai, kepercayaan, cara berperilaku, tabiat fikiran, sikap, dan moral.

Kelihatan dalam literatur terdapat tiga pendekatan yang digunakan untuk mengkonseptualisasi dan mendefinisikan disposisi iaitu: (1) kenyataan kepercayaan; (2) sifat atau ciri keperibadian; dan (3) tingkah laku (Burant et al., 2007; O'Neill et al., 2014). Umpamanya, Taylor dan Wascisko (2000) mendefinisikan disposisi sebagai sifat atau kualiti peribadi yang dimiliki oleh seorang individu, termasuk sikap, kepercayaan, minat, penghargaan, nilai murni dan mod penyesuaian. Para saintis tingkah laku seperti Damon (2007) pula cenderung menganggap disposisi sebagai suatu konstruk psikologi di mana ciri-ciri atau sifat-sifat tertanam dalam perangai individu dan menyebabkan seseorang memilih ke arah tingkah laku tertentu. Disposisi juga dikaitkan dengan pernyataan kepercayaan bersifat perikemanusiaan dan menyentuh hak seseorang bertindak bebas, yakni menyamakan disposisi dengan persetujuan dengan pernyataan kepercayaan yang kandungannya bersifat saranan.

Realitinya, atribut peribadi yang paling ditekankan dalam kalangan guru masih lagi kekal kabur. Jasmi dan Nawawi (2012) telah membincangkan secara terperinci lima model guru berkualiti seperti yang telah diketengahkan oleh tokoh pendidikan Islam dan pendidikan barat yang merangkumi Imam al-Ghazali (t.th), Jasmi (2010), Abdull Sukor (2008), Dunkin dan Biddle (1974), dan Shulman (1987). Hasil perbincangan model guru berkualiti tersebut mendapati kesemua model guru berkualiti dari perspektif tokoh pendidikan Islam dan barat ini mampu dijadikan panduan dan ukuran dalam menentu dan menghasilkan kecemerlangan serta peningkatan kualiti seseorang guru. Sungguhpun tokoh-tokoh pendidikan tersebut menyarankan kepentingan keperibadian guru dalam membentuk guru berkualiti, namun setiap model guru berkualiti berkenaan tidak menyatakan secara spesifik aspek atau atribut peribadi yang perlu dipraktikkan oleh seorang guru yang berkualiti.

Dalam sistem pendidikan di luar negara, persoalan tentang apa atribut peribadi positif yang patut dimiliki oleh seseorang guru masih menjadi perkara perbincangan di kalangan ahli penyelidik dan profesional pendidikan (O'Neill et al., 2014; Strom et al., 2019). Sudah tentu terdapat banyak atribut peribadi positif dan kebanyakan guru memiliki semua daripada mereka pada darjah yang berbeza-beza. Lebih rumit lagi ialah sebilangan atribut peribadi itu bertindih dari segi maksudnya dan ada atribut peribadi yang boleh terangkum dalam atribut peribadi yang lain (Banner & Cannon, 1997). Walau bagaimanapun, hanya sebilangan atribut peribadi spesifik yang mempengaruhi keberkesanan guru (Walker, 2019). Kekurangan bukti empirikal yang rapi mungkin merupakan antara sebab utama mengapa penemuan tentang kesan atribut peribadi spesifik guru masih tidak meyakinkan dan tidak muktamad (Bair, 2017).

Guru memainkan peranan yang penting dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia (Mohd Aizat & Kamarudin, 2020). Di Malaysia, seseorang guru perlu patuh kepada Etika Kerja KPM, Tatasusila Profesion Keguruan, Kod Etika Guru dan Standard Guru Malaysia (SGM) kerana tidak mahu pendidikan seolah-olah hanya untuk melahirkan insan yang berpelajaran tetapi tidak berakhlak (Alis Puteh, 2016). Sistem pemilihan calon guru juga telah ditambah baik dengan penggunaan ujian *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEdSI) dan Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) untuk menyaring calon yang memiliki ciri pendidik berkualiti. Namun begitu, didapati tidak ada konsensus di antara amalan-amalan ini tentang atribut peribadi guru yang profesional. Sebagai contoh, Etika Kerja KPM memberi fokus pada atribut peribadi: amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas, penyayang. Sementara ujian MEdSI menilai cara berpakaian, pertuturan, kejujuran, kesabaran, ketahanan diri, dan kepimpinan. Ujian INSAK pula mengesan aspek amanah, taat setia, ikhlas, dan dedikasi, kawalan emosi, disiplin, kepekaan, kepimpinan, motivasi, kreatif dan inovatif serta kematangan fikiran. Kelemahan ini sudah tentu boleh menjejaskan usaha yang bertujuan untuk melahir, menjaga dan menambah baik kualiti guru kerana tidak dapat mengendalikan komponen kualiti peribadi guru dengan berkesan dan sepenuhnya.

Oleh yang sedemikian, terdapat keperluan yang signifikan untuk mengkaji apakah atribut peribadi guru yang paling lazim ditekankan dan mempunyai konsensus dalam sistem pendidikan di dalam dan luar negara agar penemuan kajian ini dapat menjadi suatu rujukan yang amat bermakna dengan harapan dapat meningkatkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia terutamanya. Melalui sorotan literatur ini, pengkaji mendapati organisasi pendidikan yang berlainan telah menggunakan pendekatan yang berlainan dalam usaha melahirkan guru yang berkualiti. Antara kaedah yang lazim diguna pakai ialah pendekatan penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan, standard sistem pendidikan, model standard pendidikan guru dan model standard guru.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur iaitu pengumpulan data melalui analisis dokumen secara teliti dan komprehensif. Analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada permasalahan yang dikaji dan dokumen merupakan sumber yang mudah diperolehi oleh pengkaji dan maklumat dokumen pula adalah sukar untuk ditipu (Jasmi, 2012). Tujuan utama analisis dokumen kajian ini adalah untuk mengenal pasti atribut peribadi guru yang paling lazim ditekankan dan mempunyai konsensus dalam membentuk seorang guru berkualiti dan berpotensi mempengaruhi sikap serta sahsiah seseorang pelajar.

Dokumen yang diperolehi adalah berdasarkan 32 buah model, kerangka dan standard sedia ada berkaitan kualiti peribadi guru dalam sistem pendidikan melibatkan lapan buah negara iaitu Malaysia, Amerika Syarikat, England, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun dan Singapura. Pemilihan dokumen tersebut adalah kerana dokumen-dokumen rasmi berkaitan model, kerangka atau standard dibangunkan oleh sekumpulan pakar dalam bidang tertentu dan ianya juga merupakan sesuatu yang telah diktiraf dan dijadikan dasar bagi mengukur atau menilai sesuatu aspek. Manakala tujuh buah negara maju, iaitu Amerika Syarikat, England, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun dan Singapura telah dipilih kerana merupakan antara negara yang diiktiraf mempunyai sistem pendidikan terbaik di dunia (Ireland, 10 May 2020). Kebanyakan negara-negara tersebut mempunyai standard tersendiri yang dapat dirujuk dan menjadi penanda aras dalam membantu mengenal pasti atribut peribadi guru yang ditekankan. Sebagai contoh, Standard Guru United Kingdom menekankan bahawa guru bertanggungjawab untuk mencapai standard tertinggi dalam pekerjaan dan tingkah laku mereka (Makhsin et al., 2022).

Dalam kajian ini, kata kunci 'atribut peribadi', 'disposisi guru', 'nilai murni' dan 'nilai peribadi' digunakan bagi mengumpulkan data kajian. Kata kunci yang sesuai dipilih berdasarkan objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji. Strategi kajian juga turut dilakukan dengan membuat carian melalui *Google Search* bagi memperoleh dokumen standard pendidikan semasa berkaitan kualiti peribadi guru di negara-negara tersebut. Melalui sorotan literatur ini, pengkaji mendapati organisasi pendidikan yang berlainan telah menggunakan pendekatan yang berlainan dalam usaha melahirkan guru yang berkualiti. Antara kaedah yang lazim diguna pakai ialah pendekatan penerapan nilai-nilai murni melalui pendidikan, standard sistem pendidikan, model standard pendidikan guru dan model standard guru.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini adalah seperti perincian berikut:

Penelitian ke Atas Atribut Peribadi Guru yang Ditekankan dalam Sistem Pendidikan di Malaysia

Di Malaysia, atribut peribadi spesifik bagi guru diterjemahkan melalui nilai-nilai murni yang difokuskan dalam dokumen standard guru, kurikulum kebangsaan, etika kerja KPM dan juga panduan rasmi ujian kemasukan program perguruan (rujuk Jadual 1). Penekanan kepada nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di Malaysia amat diutamakan oleh KPM. Aspek nilai murni diperkenalkan melalui silibus mata pelajaran Pendidikan Moral pada tahun 1989 iaitu, sejajar dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada ketika itu. Sementara itu, nilai-nilai utama yang ditekankan dalam amalan nilai profesionalisme

keguruan adalah dijanakan berdasarkan Tujuh Dimensi Budaya Institut Pendidikan Guru yang juga mengambil kira nilai murni dalam kurikulum sekolah, Tatasusila Profesion Keguruan, Prinsip Utama Etika Kerja KPM, Nilai Utama dalam Perkhidmatan Awam, dan Tonggak Dua Belas (KPM, 2009).

Penekanan aspek kualiti peribadi guru dijadikan sebagai teras dalam etika keguruan (Saper et al., 2018). Selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru, Standard 1: Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan dalam dokumen Standard Guru Malaysia (SGM) telah menjadi asas untuk melahirkan guru yang berbudi pekerti bagi memenuhi fungsi sekolah (KPM, 2009). SGM telah diterbitkan pada tahun 2009 dan standard ini disemak secara berkala untuk tujuan penambahbaikan berterusan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG), KPM sebagai panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan (KPM, 2009).

Manakala pemilihan calon guru yang mempunyai sahsiah yang sesuai dengan profesion keguruan untuk kemasukan ke Program Pengajian Pendidikan Lepas STPM/Setaraf di universiti awam telah menggunakan Inventori Pemilihan Pendidik Malaysia atau *Malaysian Educators Selection Inventory*, iaitu MEdSI (Majlis Peperiksaan Malaysia, 2019). Sementara pengambilan calon guru bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dan juga calon Program Guru Interim KPM (individu yang mempunyai ijazah di luar bidang pendidikan) oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) melalui Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dibuat menggunakan Inventori Sahsiyah Keguruan atau *Teacher Character Inventory* (INSAK). Instrumen INSAK juga pernah digunakan sebagai saringan awal untuk calon yang memohon mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (DPLI) di IPGM melalui Ujian Pemilihan Calon Guru Malaysia atau *Malaysian Teacher Selection Test* (MTeST).

Jadual 1: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Malaysia

Bil.	Nilai Murni dalam Silibus Pendidikan Moral	Standard Guru Malaysia	Prinsip dan Nilai Utama Etika Kerja KPM	Malaysian Educator Selection Inventory (MEdSI)	Ujian Inventori Sahsiyah Keguruan (INSAK)
1	Kepercayaan kepada Tuhan	Amanah	Amanah	Amanah (kebolehppercayaan, cekap, menghargai masa, komited)	Amanah
2	Bertanggungjawab	Adil	Perlakuan yang baik	Bersih (ketinggian peribadi, baik hati, menjadi contoh)	Ikhlas dan dedikasi
3	Berdikari	Kasih sayang	Penyayang	Bijaksana (Kesederhanaan, berhemat, kreatif, proaktif, sabar)	Taat setia
4	Harga Diri	Berilmu	Dedikasi	Ekstrovert (suka bekerja dengan orang ramai)	Kawalan emosi
5	Kerajinan	Ikhlas	Ikhlas	Intelektual (mencabar minda dan kebolehan intelektualan)	Disiplin
6	Berterima kasih	Sabar	Niat yang betul	Ketahanan Diri (cekal, bermotivasi)	Kepekaan
7	Patriotisme	Budi bahasa	Benar	Kepimpinan	Kepimpinan
8	Kebebasan	Kepercayaan kepada tuhan	Bijaksana	Menolong (simpati, kasih sayang, beri bantuan, buat baik kepada orang lain)	Motivasi
9	Keberanian	Bertimbang rasa	Bersyukur	Pencapaian (bermotivasi, status tinggi, suka bersaing)	Kreatif dan inovatif
10	Kejujuran	Daya tahan, daya saing dan tahan lasak	Berdisiplin dan beradab	Analitikal (sensitif dan prihatin kepada persekitaran,permerhatian dan analisis sebelum buat keputusan)	Kematangan fikiran
11	Rasional	Cergas, aktif dan sihat	Menghargai dan bertanggungjawab	Asertif (tegas)	
12	Baik hati	Semangat sukarela	Memperkotakan apa yang dikatakan	Autonomi (suka kebebasan dalam tindakan dan dapat mengawal aktiviti harian)	

13	Hemah tinggi
14	Hormat
15	Kasih sayang
16	Kerjasama
17	Kesederhanaan
18	Toleransi

Seperti yang terdapat di dalam Jadual 1, aspek atribut peribadi guru profesional yang ditekankan dalam amalan-amalan ini agak berbeza. Namun begitu, terdapat beberapa atribut peribadi yang cenderung mendapat konsensus iaitu bertanggungjawab, prihatin (kasih sayang, baik hati, menolong, penyayang, kepekaan, toleransi, sabar, bertimbang rasa), tabah (yakin, berani, berdaya usaha, ketahanan diri, cekal, bermotivasi), berdisiplin, jujur dan ikhlas.

Penelitian ke atas Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Standard dan Kerangka Sistem Pendidikan di Luar Negara

1. Amerika Syarikat

Dalam konteks pendidikan di Amerika Syarikat, nilai-nilai murni utama diserapkan melalui Pendidikan Karakter (*Character Education*) yang diintegrasikan dalam kurikulum sekolah (U.S. DoE, 2008). Menurut Smith (2013), pembentukan akhlak yang bermoral adalah pendekatan sekolah untuk membantu pelajar menjadi individu yang baik dan beretika. Manakala aspek kualiti peribadi guru turut ditekankan dalam program latihan perguruan di Amerika Syarikat. Ianya telah menjadi satu keperluan dalam proses akreditasi di peringkat negeri dan kebangsaan sejak tahun 2002 (NCATE, 2008). Pada Julai 2013, *The Council for Accreditation of Teacher Education (CAEP)* berfungsi sepenuhnya sebagai satu-satunya badan akreditasi untuk pendidikan guru di Amerika Syarikat (Bair, 2017; Michelli & Karp, 2017).

Dalam buku panduan CAEP (2018), disposisi merujuk kepada tabiat mengenai tingkah laku profesional dan komitmen etika yang menjadi asas kepada prestasi seseorang pendidik. Namun, dokumen akreditasi CAEP tidak menyatakan dengan jelas disposisi profesional yang manakah perlu dimiliki oleh calon guru (Kinderwater, 2013; Strom et al., 2019). Sebaliknya, CAEP menyarankan agar merujuk kepada dokumen standard *Interstate New Teacher Assessment and Support Consortium (InTASC)*. Sehubungan dengan ini, Bair (2017) menyatakan bahawa standard CAEP amat dipengaruhi oleh standard untuk pengetahuan, kemahiran, dan disposisi yang disenaraikan oleh *the Council of Chief State School Officers (CCSSO)*, di mana majlis ini telah mengenal pasti 43 substandard disposisi yang dianggap kritikal, tapi terserah kepada setiap program pendidikan guru untuk menentukan disposisi profesional yang akan ditangani dengan pelajarnya (Bair, 2017; Walker, 2019).

Manakala Young dan Wilkins (2008) telah menjalankan satu kajian kualitatif ke atas instrumen pengukuran disposisi calon guru yang digunakan oleh 32 institusi pendidikan di Amerika Syarikat untuk mengenal pasti disposisi umum yang dinilai oleh program-program latihan perguruan. Sungguhpun kualiti peribadi mungkin adalah yang paling sukar untuk dikenal pasti dan diukur, namun ia merupakan bidang yang mempunyai kesan paling ketara terhadap pembelajaran dan motivasi pelajar (Young & Wilkins, 2008). Aspek keghairahan (penuh minat), sikap, keyakinan diri, dan tahap kematangan guru memainkan peranan penting dalam membentuk suasana pembelajaran di dalam kelas.

Jadual 2: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Amerika Syarikat

Bil.	Silibus <i>Character Education</i>	InTASC Standards (1992)	NCATE	<i>Young & Wilkins Report</i> (2008)
1	Rasa hormat	Menghormati	Penyayang	Menghormati pelajar
2	Kebolehpercayaan	Bertanggungjawab	Adil	Pemikiran kritikal
3	Bertanggungjawab	Ambil berat	Kejujuran	Penuh minat dan dedikasi
4	Prihatin	Bertimbang rasa	Bertanggungjawab	Etika (bermaruah diri)
5	Toleransi	Keyakinan diri	Keadilan Sosial	Kepimpinan (sanggup bertanggungjawab dan boleh memimpin)
6	Disiplin diri	Responsif		Personaliti (mesra, sikap positif, disenangi, fleksibel, tenang, sabar)
7	Kejujuran	Bersemangat (penuh minat)		Perkembangan profesional
8	Empati	Tabah		Reflektiviti
9	Keberanian	Komited		Perhubungan positif
10	Keadilan	Amalan profesional		Keyakinan diri
11	Ketekunan	Tahu menghargai		Menerima kritikan

12	Integriti	Berkhidmat kepada pelajar, sekolah dan komuniti
13	Patriotisme	Tabiat kerja (berdisiplin, boleh dipercayai, berinisiatif, berdikari)
14	Warganegara yang baik	
15	Saksama	

Secara keseluruhannya, seperti yang tertera di dalam Jadual 2, pendidikan di Amerika Syarikat menggariskan nilai peribadi yang tersendiri menerusi standard guru dan juga standard guru pelatih walaupun ianya tidak dinyatakan secara jelas. Set nilai murni yang agak berbeza juga turut dinyatakan melalui kurikulum matapelajaran Pendidikan Karakter. Sungguhpun disposisi berkaitan dengan pengajaran yang berkesan telah ditakrifkan secara berlainan, namun hasil penelitian mendapati masih terdapat pertindihan dalam atribut peribadi spesifik yang boleh mengemukakan bukti bagi menyokong kesahan konstruk (Johnston et al., 2011). Kelihatan atribut peribadi guru yang mendapat penekanan secara umum merangkumi atribut peribadi seperti menghormati, bertanggungjawab, boleh dipercayai, bersemangat dan juga prihatin (kasih sayang, mengambil berat, bertimbang rasa, memahami).

2. Australia

Pada tahun 2005, kerangka kebangsaan bagi pendidikan nilai yang merangkumi sembilan nilai murni telah diperkenalkan untuk semua sekolah di Australia (DEST, 2005), iaitu Penyayang dan Belas Kasihan, Melakukan yang terbaik, Bersikap Adil, Kebebasan, Kejujuran dan Kepercayaan, Integriti, Menghormati, Bertanggungjawab, serta Memahami, Bertoleransi dan Keterlibatan. Nilai-nilai teras dalam kerangka kebangsaan itu terhasil daripada *Values Education Study 2003* dan dokumen *National Goals for Schooling in Australia in the Twenty-First Century 1999*

Manakala pada tahun 2011, *Australian Institute for Teaching and School Leadership* (AITSL) telah menetapkan *Australian Professional Standards for Teachers* (APST) (Call, 2018) yang disahkan oleh *Ministerial Council for Education, Early Childhood Development and Youth Affairs* (MCEECDYA) (Celik, 2011). Tujuan APST adalah untuk memberi kepada guru Australia satu set standard yang akan berfungsi sebagai mekanisme jaminan kualiti bagi meningkatkan kualiti pengajaran di Australia secara keseluruhan serta memberi impak maksimum terhadap pembelajaran pelajar (Timperley, 2011). Selain itu, garis panduan pemilihan calon guru dengan jelas menyatakan calon perlu menunjukkan kemampuan dari segi akademik dan bukan akademik yang membolehkan mereka membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan APST di penghujung program pendidikan. Antara kemampuan bukan akademik yang dikenal pasti adalah penting untuk kejayaan pengajaran termasuk bermotivasi untuk mengajar, kemahiran interpersonal dan komunikasi, sifat penyayang dan yakin diri (AITSL, 2015).

Di Australia, kod etika dan tingkah laku adalah berkaitan dengan negeri dan wilayah sementara standard profesional, kurikulum dan matlamat strategik telah berpindah ke domain kebangsaan (Forster, 2012). Namun, setiap negeri dan wilayah mempunyai beberapa perbezaan yang signifikan serta persamaan dalam mendefinisikan tanggungjawab etika dan peraturan bagi tingkah laku guru. Analisis ke atas dokumen kod etika dan tingkah laku profesional guru di Australia yang dilakukan oleh Forster (2012) mengesahkan bahawa Australia secara amnya bersetuju bahawa nilai integriti dan nilai menghormati adalah aspek penting sebagai seorang guru yang bermoral. Dua aspek ini wujud secara jelas dalam semua kod etika dan tingkah laku yang ada di semua negeri dan wilayah dalam Australia, manakala aspek lain seperti adil dan bermaruah serta prihatin dan bertanggungjawab juga agak dititikberatkan.

Ringkasnya, seperti yang terdapat dalam Jadual 3, atribut peribadi guru yang lazim ditekankan dalam standard-standard sistem pendidikan di Australia ialah berintegriti, menghormati, adil, prihatin, bertanggungjawab dan melibatkan diri dengan warga sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.

Jadual 3: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Australia

Bil.	Kerangka Kebangsaan Pendidikan Nilai	Kod Etika	Standard Profesional Guru Australia	Panduan Pemilihan Calon Guru
1	Integriti (beretika, bermoral)	Integriti (kejujuran, bertanggungjawab, benar, saksama, bermaruah, hormat, dapat dipercayai (amanah))	Penglibatan secara profesional dengan rakan sekerja, ibu bapa atau penjaga dan komuniti	Motivasi untuk mengajar
2	Hormat	Hormat-menghormati		Sanggup belajar
3	Adil	Keadilan		Berhemat
4	Prihatin dan belas kasihan (empati, memahami)	Prihatin		Bersikap penyayang
5	Bertanggungjawab	Bertanggungjawab		Kecekapan diri (yakin)
6	Kebebasan	Bermaruah (menjaga maruah profesion)		

7	Kejujuran dan kepercayaan (Jujur, ikhlas dan mencari kebenaran)
8	Melakukan yang terbaik
9	Pemahaman dan penglibatan

3. England

Di England, pendidikan nilai termaktub di dalam Kurikulum Kebangsaan yang bertujuan untuk: (1) menyampaikan nilai-nilai kritikal yang kukuh dan berkekalan; (2) membangun integriti dan autonomi para pelajar; dan (3) membantu mereka menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan bersikap penyayang agar mampu mewujudkan masyarakat adil (Sunley & Locke, 2010). Pendidikan berperanan merangsang komitmen masyarakat terhadap nilai-nilai positif seperti kebenaran, keadilan, kejujuran, amanah dan rasa tanggungjawab (QCDA, 2007). Menurut Arthur et al. (2015), memang terdapat konsensus yang semakin meningkat di Britain bahawa nilai-nilai positif (seperti kejujuran, kawalan diri, keadilan, rasa syukur dan penghormatan) yang mampu menyumbang kepada perwatakan moral yang baik telah menjadi sebahagian daripada penyelesaian kepada banyak cabaran yang dihadapi oleh masyarakat hari ini.

Bagi England, penggunaan standard untuk guru pelatih merupakan komponen yang penting untuk kursus pendidikan di universiti dan juga sebagai amalan di dalam pendidikan umpamanya di sekolah. Sehingga tahun 2012, *Training and Development Agency for Schools (TDA)* merupakan badan yang menetapkan standard bagi *Qualified Teacher Status (QTS)* dan *Requirements for Initial Teacher Training (RITT)*. TDA adalah badan eksekutif awam di bawah *Department for Education and Skills* (Ingvarson et al., 2006) yang bertanggungjawab untuk menyediakan latihan awal dan latihan dalam perkhidmatan kepada guru sekolah di England. Oleh itu, semua institusi pendidikan amat menekankan aspek keupayaan guru pelatih memenuhi standard yang ditetapkan oleh TDA (Goepel, 2012) demi membolehkan setiap guru pelatihnya mencapai *Qualified Teacher Status (QTS)* yang melayakkan mereka digelar “guru”.

Sementara *General Teaching Council for England (GTCE)* merupakan badan profesional untuk tugas pengajaran di England, dan bertujuan membantu menambah baik standard-standard pengajaran dan pembelajaran (Goepel, 2012). Pada tahun 2009, GTCE telah memperkenalkan *Code of Conduct and Practice for Registered Teachers* dan kemudiannya disemak semula pada tahun 2010. Kod yang baru disemak ini membuat perakuan berdasarkan tujuh prinsip kehidupan yang disyorkan dalam laporan Jawatankuasa Nolan, iaitu tidak mementingkan diri sendiri, integriti, kejujuran, objektiviti, akauntabiliti, keterbukaan (dari segi tindakan dan keputusan) dan kepimpinan. Satu standard guru yang baru (DfE, 2011) telah dikuatkuasakan mulai bulan September tahun 2012 bagi menggantikan standard-standard profesional bagi pengajaran yang dihasilkan oleh TDA. Secara spesifik, lapan standard di Bahagian 1 Standard Guru (DfE, 2011) memberi fokus terhadap amalan di dalam kelas dan mengetahui bagaimana untuk mengajar. Bahagian 2 standard pula adalah berkenaan dengan sikap personal dan profesional guru. Perbendaharaan kata yang menunjukkan ekspresi disposisi profesional telah digunakan di Bahagian 2 Standard Guru berkenaan.

Jadual 4 memaparkan atribut peribadi yang ditekankan dalam sistem pendidikan di England. Kelihatan nilai peribadi seperti adil, jujur, integriti, toleransi, prihatin (penyayang), bertanggungjawab, menghormati dan saling percaya amat ditekankan dalam konteks pendidikan di England.

Jadual 4: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan England

Bil.	Kurikulum Kebangsaan	Kod Tingkah Laku dan Amalan Guru Berdaftar	Kenyataan Nilai dan Amalan Profesional untuk Guru	Standard Guru	Standard Profesional Latihan Perguruan
1	Keadilan	Tidak mementingkan diri	Keadilan	Kejujuran (boleh dipercayai)	Adil
2	Integriti (Kejujuran)	Integriti (Ikhlas)	Toleransi	Hormat-menghormati	Menghormati
3	Kejujuran	Kejujuran	Integriti	Bertoleransi	Saling mempercayai
4	Bertanggungjawab	Akauntabiliti/ Bertanggungjawab	Kesabaran	Berdisiplin	Amanah
5	Penyayang (prihatin)	Keterbukaan tindakan dan keputusan	Prihatin terhadap orang lain	Kebebasan individu	Menyokong dan membina
6	Amanah	Kepimpinan	Menghargai latar belakang yang berbeza	Bertanggungjawab	Menunjukkan nilai, sikap dan tingkah laku positif
7	Hormat	Prihatin	Semangat pertanyaan yang merangsang daya fikir		Komitmen

8	Kawalan diri	Kesedaran diri (disiplin diri)	Kerjasama
9	Bersyukur	Objektiviti	
10	Mencari kebenaran	Refleksi	
11		Minat belajar	

4. Kanada

Seperti di kebanyakan negara lain, pendidikan karakter formal telah menjadi perkara biasa bagi sekolah-sekolah di Kanada. Dasar dan inisiatif persekutuan, negeri/wilayah dan tempatan menggalakkan, dan dalam banyak kes mewajibkan, pendidikan karakter formal. Pendidikan karakter dianggap sebagai usaha eksplisit oleh sekolah untuk mengajar nilai murni kepada pelajar (Winton, 2010). Sebagai contoh, kerajaan Wilayah Ontario telah memperkenalkan Inisiatif Pembangunan Karakter pada tahun 2006 dan menerbitkan dasar “*The Finding Common Ground: Character Development in Ontario K-12*” (Ontario Ministry of Education, 2006). Dokumen ini kemudiannya disemak semula pada tahun 2008 dan dasar ini mewajibkan pendidikan karakter dikendalikan secara formal di sekolah awam (Nabiha, 2015). Antara atribut peribadi yang ditekankan adalah seperti bersikap penyayang dan saling hormat-menghormati (Ontario Ministry of Education, 2008).

Di Kanada, titik tolak kualiti guru bermula dari pendidikan yang mereka peroleh ketika mengikuti program pendidikan guru di kolej sebelum menyertai profesion keguruan (Greufe, 2020). Sikap dan pegangan nilai peribadi guru menjadi antara aspek penting dalam pendidikan guru di Kanada. Sebagai contoh, dua wilayah utama di Kanada, iaitu British Columbia dan Ontario, telah menyerapkan nilai-nilai teras melalui standard profesional perguruan. Pada 19 Jun 2019, Standard Profesional Pendidik telah dikuatkuasakan di British Columbia (BC Teachers’ Council, 2019). Standard ini digunapakai oleh pendidik yang berkelayakan mengajar di tadika sehingga ke gred 12 (sekolah menengah) persekolahan awam dan swasta. Standard profesional ini memperincikan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai-nilai teras yang perlu dimiliki oleh seorang pendidik (BC Teachers’ Council, 2019).

Manakala di Wilayah Ontario, amalan etika menjadi teras profesion keguruan dengan berasaskan pada satu set standard dan prinsip etika yang dipersetujui oleh profesion keguruan dan orang ramai (Smith, 2013). Di *Ontario College of Teachers* (OCT), semua ahli kolej adalah tertakluk kepada standard profesional perguruan yang ditetapkan oleh pihak kolej bagi menghasilkan guru yang berkualiti seiring dengan kehendak kerajaan. Standard Praktis untuk Profesion Keguruan, Standard Etika untuk Profesion Keguruan, dan Kerangka Kerja Pembelajaran Profesional untuk Profesion Keguruan menjadi asas kepada Standard Profesional Perguruan OCT (Ontario College of Teachers, 2016). Ketiga-tiga komponen ini menggariskan prinsip-prinsip tingkah laku etika, amalan profesional dan pembelajaran berterusan untuk profesion keguruan di Ontario.

Jadual 5: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Kanada

Bil.	<i>Character Education</i>	<i>Standard Profesional Pendidik British Columbia</i>	<i>Standard Etika Profesion Keguruan</i>
1	Prihatin	Prihatin (hormat, bertanggungjawab, menghargai)	Prihatin (belas kasihan, penerimaan, minat, komitmen, pengaruh positif, pertimbangan profesional, empati)
2	Hormat-menghormati	Beretika dan kekalkan integriti, kredibiliti dan reputasi (bertindak dengan penuh beretika)	Hormat (saling mempercayai, adil, menghormati maruah manusia, emosi dan kognitif, hormat nilai spritual, budaya, keadilan sosial, kerahsiaan, kebebasan, demokrasi, alam sekitar)
3	Selamat	Faham dan amal (tunjuk dan sampaikan kepada pelajar)	Saling mempercayai (adil, keterbukaan dalam tindakan dan keputusan, kejujuran, profesional)
4	Inklusif	Menghargai kerjasama dan sokongan ibu bapa (faham, hormat, beri galakan)	Integriti (jujur, kebolehpercayaan, tindakan bermoral)
5		Meneliti kecenderungan, sikap, kepercayaan, nilai dan amalan sendiri untuk bertambah baik	

Secara keseluruhan, pegangan nilai peribadi guru di Kanada telah diterjemahkan melalui pendidikan karakter (nilai prihatin, hormat-menghormati, selamat dan inklusif), standard profesional guru (nilai prihatin, beretika serta berintegriti, faham dan amal, menghargai kerjasama dan sokongan ibu bapa, dan penilaian sendiri untuk bertambah baik) serta standard etika (nilai prihatin, hormat, saling mempercayai dan berintegriti). Dapat dilihat dengan jelas (lihat Jadual 5) bahawa sistem pendidikan di Kanada menekankan nilai prihatin, integriti, boleh dipercayai, hormat dan tingkah laku beretika sebagai identiti guru profesional.

5. New Zealand

Kurikulum New Zealand (KNZ) ialah kenyataan rasmi bagi dasar berkaitan pengajaran dan pembelajaran untuk sekolah aliran Inggeris di New Zealand. Visi KNZ adalah untuk melahirkan pelajar yang berkeyakinan, pandai bergaul dengan orang lain, terlibat secara aktif dan mengamalkan prinsip pembelajaran sepanjang hayat (Ministry of Education NZ, 2015). Menurut Kementerian Pendidikan New Zealand, nilai merupakan kepercayaan yang dipegang secara mendalam tentang apa yang penting atau dikehendaki. Pegangan nilai seseorang individu boleh diperhatikan melalui cara berfikir dan berkelakuan individu berkenaan. Nilai-nilai utama yang ditekankan dalam sistem pendidikan New Zealand (Ministry of Education NZ, 2015) adalah seperti integriti, saling hormat-menghormati dan ekuiti (kesaksamaan).

Nilai peribadi turut diakui sebagai elemen penting dalam diri calon guru atau guru pra-perkhidmatan, guru permulaan dan semua guru dalam perkhidmatan. Secara spesifik, standard profesional guru semasa di New Zealand terdiri daripada *Code of Professional Responsibility (CPR)* dan *Standards for the Teaching Profession (STP)* yang dilaksanakan sejak tahun 2017 bagi menggantikan *Code of Ethics* seperti yang dinyatakan dalam seksyen 387 (6) Akta Pendidikan New Zealand (NZTC, 2021). CPR menetapkan standard yang tinggi bagi tingkah laku beretika yang diharap ada pada setiap guru. Sementara itu, STP pula melibatkan enam piawaian (rakan kongsi, pembelajaran profesional, hubungan profesional, budaya berfokuskan pembelajaran, reka bentuk untuk pembelajaran, dan pengajaran) yang memberi huraian secara holistik tentang amalan pengajaran berkualiti dan apa yang dimaksudkan dengan guru di New Zealand.

Secara keseluruhan, Jadual 6 memaparkan atribut peribadi guru yang ditekankan dalam sistem pendidikan di New Zealand. Kelihatan penekanan yang lebih tinggi telah diberikan kepada atribut peribadi guru seperti adil, hormat, jujur dan bertanggungjawab.

Jadual 6: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan New Zealand

Bil.	Kurikulum Kebangsaan KNZ	Standard Guru CPR	Standard Guru Pelatih GTS
1	Ekuiti (kesaksamaan dan keadilan sosial)	Adil	Membina hubungan yang baik dengan pelajar
2	Integriti (jujur, bertanggungjawab, akauntabiliti, beretika)	Benar (Bersikap jujur)	Hormat akan budaya, bahasa dan adat
3	Menghargai kelainan (perbezaan budaya, bahasa dan warisan)	Prihatin (penyayang, bertanggungjawab)	
4	Kecemerlangan (bermatlamat tinggi dan tabah menghadapi kesulitan)	Autonomi	
5	Komuniti dan Penyertaan		
6	Kelestarian Ekologi (penjagaan alam sekitar)		
7	Inovasi, Minat Belajar dan Bersikap Ingin Tahu (berfikir kritis, kreatif dan reflektif)		
8	Menghormati diri, orang lain dan hak asasi manusia		

6. Jepun

Identiti masyarakat Jepun dan budayanya adalah berasaskan tradisi *Bushido*, iaitu kod prinsip moral kesatria yang diikuti oleh samurai (Junaedi & Syukur, 2017). Etika *Bushido* merupakan inti pati ajaran terdahulu, termasuk Buddhisme, Shintoisme dan Konfusianisme. Masyarakat Jepun amat berdedikasi kepada nilai-nilai etika Konfusius (Levent & Karsantik, 2018) yang menekankan aspek perikemanusiaan, bermoral, kesopanan, kebijaksanaan serta kebolehpercayaan dan keikhlasan (Wong et al., 2011). Sifat etika ini telah menjadi asas kepada tingkah laku dan peradapan seluruh masyarakat Jepun (Junaedi & Syukur, 2017).

Di Jepun, pembangunan karakter, moral dan nilai-nilai murni di kalangan pelajar sangat dititikberatkan sejak dari peringkat awal persekolahan lagi. Oleh yang demikian, pendidikan moral telah menjadi aspek penting dalam pendidikan di Jepun serta mendapat perhatian di dalam kurikulum pendidikan rasmi yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Jepun atau MEXT (*Ministry of Education, Sports, Culture, Science and Technology of Japan*). Para guru di Jepun perlu memberi komitmen untuk mengembangkan moral pelajar sebagai sebahagian daripada tugas mendidik "seorang manusia" (MEXT, 2008). Menurut Kimura dan Tatsuno (2017), konsep pendidikan semasa di Jepun yang dipanggil "Zest for Life" telah diperkenalkan sejak tahun 1998. Konsep "Zest for Life" yang berdasarkan pendekatan "Chi-Toku-Tai", bertujuan untuk pembangunan pelajar secara holistik dari segi akademik, moral dan fizikal. Oleh itu, nilai peribadi merupakan salah satu daripada tiga tonggak pendidikan di Jepun, iaitu Chi: perkembangan kognitif, Toku: akhlak/nilai-nilai murni, dan Tai: pembangunan fizikal. Pengertian dan nilai-nilai utama konsep "Zest for Life" telah terbenam di dalam Akta Asas Pendidikan yang telah disemak semula pada tahun 2006 (Kimura & Tatsuno, 2017).

Jepun tidak mempunyai senarai standard khusus untuk guru. Sebaliknya, MEXT menyediakan garis panduan kurikulum “Zest for Life” yang sangat teliti dengan memfokuskan pada standard pengajaran (McKnight et al., 2016). Manakala sistem latihan guru di Jepun telah distruktur berdasarkan falsafah Konfusianisme dengan sistem nilai etika yang memberi inspirasi kepada guru dari segi pembangunan diri demi membolehkan para guru menyesuaikan diri dengan dunia yang sentiasa berubah dan membangun (Levent & Karsantik, 2018). Berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi oleh Levent dan Karsantik, ajaran Konfusius, seperti hormat, tanggungjawab, kejujuran, keadilan, kesetiaan dan kesopanan telah ditunjukkan sebagai amat dihargai dalam sistem latihan guru Jepun. Pendek kata, nilai-nilai budaya, profesional dan sosial Jepun secara langsung dan tidak langsung telah mempengaruhi amalan guru di sekolah Jepun.

Secara keseluruhan, nilai-nilai etika dalam sistem pendidikan Jepun yang diserap melalui prinsip *Zest of Life*, *Bushido* dan ajaran Konfusius dapat diteliti seperti yang dipaparkan di dalam Jadual 7. Didapati aspek atribut peribadi guru yang kerap ditekankan meliputi rasa hormat, adil, jujur, bertanggungjawab, kesetiaan, kesopanan, dan prihatin.

Jadual 7: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Jepun

Bil.	Akta Asas Pendidikan	Kurikulum Kebangsaan	Pegangan Nilai Moral	Polisi Latihan Perguruan
		Zest for Life	Kod Bushido	Kod Etika berdasarkan Ajaran Konfusius
1	Hormat-menghormati, menghormati tradisi dan budaya, keadilan, kehidupan, kerja keras, negara lain dan nilai individu	Menghormati guru, ahli keluarga, sesama manusia, budaya lain, tradisi, alam semula jadi (kekuatan alam), terhadap hak dan kewajipan dan kehidupan	Kesopanan (hormat, sopan santun, berakhlak mulia)	Hormat
2	Bertanggungjawab	Bertanggungjawab	Keberanian (buat perkara yang betul)	Bertanggungjawab
3	Kesamarataan antara lelaki dan wanita	Adil dan saksama serta keadilan sosial	Kebenaran (kejujuran, keadilan)	Keadilan
4	Cinta akan negara dan setiap wilayah	Cinta akan negara	Kesetiaan	Kesetiaan
5	Keinginan untuk menyumbang kepada keamanan dunia dan pembangunan masyarakat antarabangsa	Jujur, menepati janji		Kejujuran
6	Memupuk kepekaan serta ketinggian moral	Disiplin diri, kepatuhan kepada undang-undang	Kawalan sendiri	
7	Prihatin terhadap alam semula jadi, pemeliharaan alam sekitar		Baik hati (cinta, kasih sayang, simpati, belas kasihan)	
8	Memberi sumbangan dalam membangunkan masyarakat (melibatkan diri dengan aktif)	Sumbangan kepada masyarakat		
9	Memupuk kreativiti	Kreativiti		
10	Memupuk semangat autonomi dan berdikari	Berdikari		
11	Menekankan hubungan antara kerjaya seseorang dan kehidupan seharian seseorang	Menjaga semua orang dan kebaikan; Kerjasama, Penyertaan kumpulan, Rasa syukur, Saling memahami, Bertolak ansur, Kepercayaan dan persahabatan		
12	Mengembangkan kemampuan individu	Kemajuan diri	Hargai diri (menjaga kehormatan, nilai peribadi dan maruah diri)	
13	Memupuk nilai mencari kebenaran	Mencari kebenaran		
14		Kesopanan, Berbudi bahasa		Kesopanan
15		Keikhlasan	Keikhlasan	
16		Kesederhanaan		

7. Singapura

Pendidikan di Singapura mempunyai dua matlamat utama (Ministry of Education Singapore, 2019) iaitu: (1) untuk membina sikap dan mempersiapkan pelajar menjadi warganegara yang baik; dan (2) untuk menyediakan pelajar menghadapi alam pekerjaan. Demi untuk merealisasikan matlamat tersebut, pada tahun 2010, Kementerian Pendidikan Singapura telah memperkenalkan secara rasmi *Framework for 21st Century Competencies and Student Outcomes* atau Kerangka 21CC dan Hasil Pelajar yang boleh digambarkan sebagai tiga lapisan sepusat (Tan et al, 2017) agar dapat melahirkan individu yang berkeyakinan, mempunyai arah sendiri, merupakan penyumbang yang aktif serta warganegara yang prihatin (Ministry of Education Singapore, 2019). Kementerian Pendidikan Singapura juga telah menerbitkan sukatan pelajaran bagi matapelajaran *Character and Citizenship Education* atau Pendidikan Watak dan Kewarganegaraan pada tahun 2012 bagi tujuan pengajaran di sekolah rendah dan sekolah menengah dengan kandungan matapelajaran disejajarkan dengan nilai-nilai teras Kerangka 21CC dan Hasil Pelajar (Ministry of Education Singapore, 2012a & 2012b). Nilai-nilai murni dan sikap yang ditekankan dalam mata pelajaran ini adalah seperti bertanggungjawab, penyayang, empati, bertimbang rasa, dan motivasi diri.

Penerapan nilai peribadi guru diterjemahkan melalui *Teacher Education Model for the 21st Century* atau Model TE21 yang telah dilancarkan pada tahun 2009. Model TE21 telah mengemukakan kualiti intrinsik guru (nilai, kemahiran dan pengetahuan) yang harus dimiliki oleh individu guru agar dapat respon secara proaktif terhadap tanggungjawabnya di dalam kelas dan sekolah (NIE, 2009). Komponen Nilai, Kemahiran dan Pengetahuan di dalam model ini berkait rapat dengan kemenjadian calon guru yang diinginkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura bagi mempersiapkan calon guru agar menjadi guru yang yakin diri, menyumbang dengan aktif, mengamalkan pembelajaran sendiri dan menjadi warganegara yang prihatin (Lim, 2014). Kementerian Pendidikan Singapura turut melancarkan *Singapore Teaching Practice (STP)* atau Amalan Pengajaran Singapura bagi membantu guru di Singapura menjadi lebih yakin dan reflektif dalam amalan pengajaran agar dapat membantu pelajar belajar dengan lebih baik dan berasa seronok sepanjang proses pembelajaran (Academy of Singapore Teachers, n.d.). Penelitian pada model STP mendapati nilai peribadi guru yang diutamakan meliputi kepercayaan, berdisiplin, prihatin, yakin dan bertanggungjawab.

Jadual 8: Atribut Peribadi Guru yang ditekankan dalam Sistem Pendidikan Singapura

Bil.	Silibus Pendidikan Perwatakan & Kewarganegaraan	Kerangka Kompetensi Abad ke-21 dan Kemenjadian Pelajar	Amalan Pengajaran Guru Singapura	Atribut Profesional Pengajaran Abad ke-21
1	Bertanggungjawab	Bertanggungjawab	Bertanggungjawab	Tanggungjawab sosial dan penglibatan sosial
2	Berdaya tahan (menunjukkan kekuatan emosi, ketabahan, keberanian, optimis, kebolehsuaian dan kepintaran)	Berdaya tahan		Adaptif dan berdaya tahan
3	Penyayang (prihatin, empati, bertimbang rasa, ambil berat)	Penyayang	Prihatin	Empati
4	Integriti (berpegang teguh pada prinsip etika dan mempunyai keberanian moral untuk menegakkan kebenaran.)	Integriti		Integriti peribadi
5	Harmoni	Harmoni	Kepercayaan	
6	Hormat	Hormat		Menghargai kepelbagaian
7	Yakin		Yakin (setiap pelajar yakin dan mahu belajar)	Berusaha belajar dan perbaiki diri
8	Kerendahan hati			Keghairahan
9	Berinisiatif			Bersemangat
10	Taat setia			Beretika
11	Proaktif			
12	Disiplin diri		Berdisiplin	
13	Motivasi diri			

Secara keseluruhannya, penerapan nilai murni amat dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura. Berdasarkan senarai atribut peribadi guru yang dipaparkan dalam Jadual 8, kelihatan sistem pendidikan di Singapura cenderung menekankan atribut bertanggungjawab, rasa hormat, prihatin (memahami, penyayang, empati), berintegriti, yakin, berdaya tahan (tabah) dan berdisiplin.

PERBINCANGAN

Berdasarkan penelitian terhadap 32 dokumen berkaitan kualiti peribadi guru yang merangkumi amalan nilai profesionalisme keguruan, kriteria pemilihan calon guru dalam aspek sikap dan sahsiah serta garis panduan penerapan nilai-nilai murni dalam sistem pendidikan di laman buah negara tersebut, didapati terdapat terlalu banyak atribut peribadi yang dinyatakan dan perlu dipraktikkan oleh setiap guru. Ironinya, jika terlalu banyak ianya pasti sukar buat para guru untuk fokus terhadap atribut mana yang mesti dipatuhi terutamanya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Oleh itu, selepas mengambil kira aspek pertindihan maksud dan kemungkinan atribut peribadi tertentu boleh terangkum dalam atribut peribadi yang lain sebanyak 91 atribut peribadi dapat dikenal pasti. Antara contoh atribut peribadi tersebut termasuklah atribut bertanggungjawab, menghormati, penyayang, ikhlas, jujur, rasional, berdaya usaha, sabar, yakin, prihatin, berdisiplin, kreatif, adil, boleh dipercayai, tabah, berdikari, bekerjasama, amanah, toleransi, optimis, bersikap baik, sanggup belajar, menjaga maruah, responsif dan lain-lain.

Manakala, bagi mengenal pasti atribut atau kualiti peribadi guru yang mendapat konsensus adalah kritikal, pengkaji telah melakukan pemerinkatan berdasarkan hitungan berapa dokumen daripada sejumlah 32 dokumen di laman negara yang diteliti itu ada memberi penekanan kepada atribut peribadi guru berkenaan. Hasilnya, sebanyak 23 atribut peribadi awal yang dapat disenarai pendek yang cenderung mempunyai kekerapan yang lebih tinggi berbanding dengan atribut lain (lihat Jadual 9). Atribut peribadi tersebut ialah jujur, bertanggungjawab, prihatin, hormat, berdisiplin, adil, tabah, ikhlas, berilmu, yakin, rasional, harga diri, setia, sabar, mencari kebenaran, berfikiran terbuka, tidak emosi, berdikari, kreatif, bersyukur, mesra, optimis dan kesederhanaan.

Seterusnya, daripada 23 atribut tersebut didapati bahawa enam atribut peribadi seperti jujur, bertanggungjawab, prihatin, hormat, berdisiplin dan adil mempunyai konsensus yang amat tinggi di mana lebih daripada 50% daripada 32 dokumen tersebut menekankan atribut peribadi tersebut. Ini menunjukkan enam atribut tersebut adalah sifat peribadi yang perlu dimiliki oleh seorang guru. Dua atribut peribadi lain iaitu tabah dan ikhlas mempunyai konsensus yang tinggi sebagai sifat peribadi yang perlu ada pada seseorang guru. Hampir 50% daripada 32 dokumen dan lebih daripada 5 negara menitikberatkan dua atribut peribadi tersebut (lihat Jadual 9).

Jadual 9: Senarai pendek atribut peribadi guru kritikal - berdasarkan kekerapan ditekankan dalam 32 dokumen di laman negara

No.	Atribut peribadi/negara (Bil. dokumen)	Malaysia (5)	England (5)	Australia (4)	New Zealand (3)	Jepun (4)	Singapura (4)	Amerika (4)	Kanada (3)
1	Jujur	5	5	3	2	3	3	3	2
2	Bertanggungjawab	5	3	3	2	3	4	4	1
3	Prihatin	4	3	4	1	3	4	3	3
4	Rasa hormat	2	4	3	2	4	3	3	3
5	Berdisiplin	4	3	2	1	4	2	3	2
6	Adil	2	3	3	2	4	-	2	2
7	Tabah	4	1	2	1	1	3	3	1
8	Ikhlas	4	2	2	-	2	3	2	-

Ringkasnya, pengkaji telah berjaya mengenal pasti beberapa atribut peribadi utama yang cenderung mendapat konsensus yang perlu ada pada seseorang guru, agar guru dapat melaksanakan fungsi mendidik serta membina sikap dan sahsiah pelajarinya dengan sebaik mungkin demi memartabatkan profesion keguruan. Lapan atribut peribadi utama tersebut merangkumi atribut hormat, prihatin, adil, jujur, bertanggungjawab, tabah, berdisiplin dan ikhlas.

KESIMPULAN

Kualiti peribadi guru amat penting dalam pembentukan guru berkualiti. Guru dengan atribut peribadi yang positif bukan sahaja menjadi contoh teladan malah mampu meningkatkan prestasi akademik pelajarinya. Kajian ini telah mengenal pasti beberapa atribut peribadi guru yang lazim ditekankan dan cenderung mempunyai konsensus dalam membentuk guru yang berkualiti yang dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah terpuji di kalangan pelajar. Atribut peribadi tersebut ialah hormat, prihatin, adil, jujur, bertanggungjawab, tabah, berdisiplin dan ikhlas. Kajian ini mungkin merupakan antara usaha awal untuk membantu menyumbang kepada kefahaman konsep kualiti peribadi guru dan mengenal pasti atribut yang sepatutnya dimiliki oleh seorang guru. Adalah diharapkan atribut peribadi guru yang telah dikenal pasti berdasarkan rujukan dan penandaarasan standard di laman negara ini dapat memberi maklumat baru yang berguna serta dapat dijadikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan warga sekolah, institut pendidikan guru, guru dan bakal guru itu sendiri untuk menjalankan tugas dengan lebih sempurna. Walau bagaimanapun, kajian susulan perlu dilakukan agar dapat meneroka dan memahami dengan lebih mendalam terhadap laman atribut peribadi guru tersebut agar dapat dijadikan suatu set atribut peribadi yang lebih bersifat umum dan parsimoni.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2019/SS05/UUM/02/5).

RUJUKAN

- Abdull Sukor, S. (2001). Tingkah laku pengajaran dan kualiti peribadi pensyarah universiti. dalam: Prosiding Seminar Penyelidikan UUM 2000. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia, 438-453.
- Abdull Sukor, S. (2008). *Guru berkesan: Petua dan panduan*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Academy of Singapore Teachers (n.d.). *Amalan pengajaran Singapura*. Ministry of Education, Singapore.
https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/singapore-teaching-practice/stp_ml_minibo_oklet_version4-edited-by-cdmlcs_website_version.pdf
- Adewale, O. S. (2013). Teaching personality as a necessary construct for the effectiveness of teaching and learning in schools: An implication for teacher development in the era of globalization. *Journal of Education and Human Development*, 2(2), 15-23.
- AITSL (2015). *Action now: Selection of entrants into initial teacher education*, Guidelines, Australian Institute for Teaching and School Leadership. https://www.aph.gov.au/~media/Committees/eet_cte/estimates/supp_1617/Education/Answers/SQ16-001025-Attachment-3.pdf
- Alis Puteh (2016). *Profesien keguruan: guru sebagai role model*. UUM Press.
- Arthur, J., Kristjánsson, K., Walker, D., Sanderse, W., & Jones, C. (2015). Character education in UK schools. <http://epapers.bham.ac.uk/1969/>
- ATEE (2006). The quality of teachers: Recommendations on the development of indicators to identify teacher quality. Policy Paper.
- Awang, M. S. & Abdul Wahab, J. L. (2016, 31 October & 1 November). Pembinaan kerangka kajian kompetensi guru dalam pengurusan kokurikulum dan salah laku pelajar. Proceeding of the International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016): *Cross-Cultural Education for Sustainable Regional Development*, 967-974. Bandung, Indonesia.
- Bair, M. A. (2017) Identifying dispositions that matter: Reaching for consensus using a delphi study. *The Teacher Educator*, 52(3), 222-234, doi: 10.1080/08878730.2017.1315475
- Baier, F., Decker, A. T., Voss, T., Kleickmann, T., Klusmann, U., & Kunter, M. (2019). What makes a good teacher? The relative importance of mathematics teachers' cognitive ability, personality, knowledge, beliefs, and motivation for instructional quality. *British Journal of Educational Psychology*, 89(4), 767-786.
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.
- Banner, J. M. Jr. & Cannon H. C. (1997). The personal qualities of teaching what teachers do cannot be distinguished from who they are. *Change: The Magazine of Higher Learning*, 29(6), 40-43.
- Barber, M., & Mourshed, M. (2007). *How the world's best-performing school systems come out on top*. <http://www.mckinsey.com/industries/social-sector/our-insights/how-the-worlds-best-performing-school-systems-come-out-on-top>
- BC Teachers' Council. (2019). *Professional standards for BC educators*, 1-6. https://www2.gov.bc.ca/assets/gov/education/kindergarten-to-grade-12/teach/teacher_regulation/standards-for-educators/edu_standards.pdf
- Borko, H., Liston, D., & Whitcomb, J. A. (2007). Apples and fishes: The debate over dispositions in teacher education. *Journal of Teacher Education*, 58(5), 359-364. doi: 10.1177/0022487107309977
- Burant, T. J., Chubbuck, S. M., & Whipp, J. L. (2007). Reclaiming the moral in the dispositions debate. *Journal of Teacher Education*, 58(5), November/December, 397-411. doi: 10.1177/0022487107307949
- CAEP (2018). *CAEP handbook: Initial-level programs 2018*. <http://caepnet.org/accreditation/caep-accreditation/~media/Files/caep/accreditation-resources/caep-initial-handbook-2018.pdf?la=en>
- Celik, S. (2011). Characteristics and competencies for teacher educators: Addressing the need for improved professional standards in Turkey. *Australian Journal of Teacher Education*, 36 (4), Article 2. <http://ro.ecu.edu.au/ajte/vol36/iss4/2>
- Damon, W. (2007). Dispositions and teacher assessment: The need for a more rigorous definition. *Journal of Teacher Education*, 58(5), 365-369.
- DEST. (2005). *National framework for values education in Australian schools*. Commonwealth of Australia. Department of Education, Science and Training, Australian Government. http://www.curriculum.edu.au/values/val_values_and_the_australian_curriculum,33705.html
- DfE (2011). *Teachers' Standards - Guidance for school leaders, school staff and governing bodies*. Department for Education, United Kingdom. <https://www.education.gov.uk/publications/standard/publicationDetail/Page1/DFE00066-2011>
- Digić, G. (2018). The relationship between personal and professional characteristics of teachers. *Facta Universitatis Philosophy, Sociology, Psychology and History*, 17(1), 1 – 18. <https://doi.org/10.22190/FUPSPH1801001D>
- Dixon, A. J. (2012). *School principal perspectives on the qualities of highly effective teachers: Are there distinguishing characteristics?* Retrieved December 25, 2016 from <http://www.nwmissouri.edu/library/fieldstudies/2012/Dixon,%20Andrea%20J.pdf>
- Dunkin, M. J. & Biddle, B.J. (1974). *The study of teaching*. Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Eskew, D. S. (2004). *Values education in american public schools: An overview with implications for the future*. Dissertation of Doctor of Education, the Graduate Faculty of the University of Georgia.
- Forster, D. J. (2012). Codes of ethics in Australian education: towards a national perspective. *Australian Journal of Teacher Education*, 37(9). <http://dx.doi.org/10.14221/ajte.2012v37n9>

- Goepel, J. (2012). Upholding public trust: an examination of teacher professionalism and the use of Teachers' Standards in England. *Teacher Development*, 16(4), 489-505.
- Greufe, M. (2020). *Evaluating teacher turnover rates in America, Canada, and Finland*. Honors Theses, University of Nebraska-Lincoln. <https://digitalcommons.unl.edu/honorstheses/227>
- Ingvarson, L., Elliott, A., Kleinhenz, E., & McKenzie, P. (2006). *Teacher education accreditation: A review of national and international trends and practices*. Teaching Australia.
- Ireland, S. (10, May 2020). Ranked: Best countries for education system, 2020. *CEOWorld Magazine*, <https://ceoworld.biz/2020/05/10/ranked-worlds-best-countries-for-education-system-2020/>
- Istiyono, E., Kartowagiran, B., Retnawati, H., Cahyo Adi Kistoro, H., & Putranta, H. (2021). Effective teachers' personality in strengthening character education. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 10(2), 512-521
- Jamilah Man, Yahya Don & Siti Noor, I. (2016). Kepimpinan transformasional dan kualiti guru generasi 'Y'. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(1), 29-42.
- Jasmi, K. A. (2010). *Guru cemerlang Pendidikan islam sekoloh menengah di Malaysia: Satu kajian kes*. Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri*, 1(2012), 28-29.
- Jasmi, K. A. & Nawawi, N. F. (2012, 8-9 March). Model guru berkualiti dari perspektif tokoh pendidikan islam dan barat. [Kertas Pembentangan]. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru. 233-238.
- Johnston, P., Almerico, G.M., Henriott, D., & Shapiro, M. (2011). Descriptions of dispositions for assessment in pre-service teacher education field experiences. *Education* 132(2), 391-401.
- Junaedi, M., & Syukur, F. (2017). Moral education in Japanese schools a model for improving character education in indonesia. *Analisa: Journal of Social Science and Religion*, 2(01), 23-40.
- Khairul Abidin, N. (2014). Kualiti guru penentu PPPM. *Utusan*. http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140314/dn_01/Kualiti-guru-penentu-PPPM
- Kim, L. E., Dar-Nimrod, I., & MacCann, C. (2017). Teacher personality and teacher effectiveness in secondary school: Personality predicts teacher support and student self-efficacy but not academic achievement. *Journal of Educational Psychology*. 309-323. <https://psycnet.apa.org/doiLanding?doi=10.1037/edu0000217>
- Kimura, D. & Tatsuno, M. (2017). Advancing 21st century competencies in Japan. *Asia Society: Center for Global Education*, 1-37. <https://asiasociety.org/files/21st-century-competencies-japan.pdf>
- Kinderwater, W. A. (2013). *The role of dispositions in teacher candidate education*. Dissertation of Doctor of Education in Curriculum and Instruction, University of Montana.
- KPM (2009). *Standard Guru Malaysia*. Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/images/kpm/pemberitahuan/standard%20guru%20malaysia%20-%202009.pdf>
- KPM. (2012a). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. <http://www.moe.gov.my/my/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- Levent, A. F., & Karsantık, İ. (2018). Teacher training policies in japan in the context of ethical values.
- Lim, K. M. (2014). Teacher education & teaching profession in Singapore. doi:10.13140/2.1.3315.0726
- Majlis Peperiksaan Malaysia. (2019). *Malaysian Educators Selection Inventory (MEdSI)*. <https://www.mpm.edu.my/en/soalan-lazim/soalan-lazim-meds>.
- Makhsin, M., Teoh, Y. P., & Ismail, N. H. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kemenjadian jiwa pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 327-346.
- Mamat, M. A., Ibrahim, M. L., Sa'ari, C. Z., Abdul, S. M. H. S., & Abdullah, W. S. W. (2018). Domain diri dalam adab guru menurut Imam Abu Hanifah: kajian ke arah membentuk etika profesion perguruan Islam. *Jurnal At-Ta'dib*.
- Martin, N. (2008). *A study of the relationship between personal quality and professional quality* [Unpublished dissertation of masters of science]. California State University.
- McKnight, K., Yarbrow, J., Graybeal, J., & Graybeal, L. (2016). *Japan: What makes an effective teacher?* Pearson Education, Inc. https://www.pearson.com/content/dam/corporate/global/pearson-dot-com/files/innovation/global-survey/reports/RINVN9283_Japan_Sept2016_091516.pdf
- MEXT (2008). *Improvement of the Course of Study in kindergarten, primary school, junior high school, high schools and schools for special needs education*. Central Council for Education, Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT), Japan.
- Michelli, N. M. & Karp, K. (2017). Accreditation as a measure of quality. In Michelli, N. M., Dada, R., Eldridge, D, Tamim, R. M., & Karp, K.(Eds.). *Teacher Quality and teacher education quality: Accreditation from a global perspective*. Routledge Taylor and Francis Group.
- Ministry of Education NZ. (2015). *The New Zealand curriculum*. Wellington: Learning Media Limited. <https://nzcurriculum.tki.org.nz/The-New-Zealand-Curriculum>
- Ministry of Education Singapore (2012a). *2014 syllabus character and citizenship education (Primary)*. Student Development Curriculum Division. <https://www.moe.gov.sg/-/media/files/programmes/2014-character-citizenship-education-eng.ashx?la=en&hash=E00BCF72516621190F603BA541AD57542BCFE9BA>
- Ministry of Education Singapore (2012b). *2014 syllabus character and citizenship education (Secondary)*. Student Development Curriculum Division. <https://www.moe.gov.sg/-/media/files/programmes/2014-character-citizenship-education-secondary.pdf?la=en&hash=45889182909A7AF1889080B6C2A50E03261764E0>

- Ministry of Education Singapore (2019). *Kesusasteraan dalam bahasa melayu 2019 sukatan pelajaran bagi pengajaran dan pembelajaran sekolah menengah*. Curriculum Planning and Development Division. https://www.moe.gov.sg/-/media/files/secondary/syllabuses/mtl/2019_literatureinmalaysecondarysyllabus.ashx?la=en&hash=37C1661BAD324F3ABC8D38567AF1D0C1D2F12EF2
- Mohd Aizat Abu Hassan, Kamarudin Musa. (2020). Tahap profesionalisme guru sekolah kebangsaan di Semenanjung Malaysia, *Management Research Journal*. Vol. 9 No 2. 37-45.
- Mohamad Khairi, O. & Asmawati, S. (2010). Peranan sekolah dan guru dalam pembangunan nilai pelajar menerusi penerapan nilai murni: Satu sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 11, 117-130.
- Nabiha, H. (2015). *Exploring character education in high schools: an investigation of teacher characteristics, pedagogical strategies and barriers of implementation* [Master's thesis, University of Toronto]. <https://tspace.library.utoronto.ca/handle/1807/68687>
- NCATE. (2008). Professional standards for the accreditation of teacher preparation institutions. <http://www.ncate.org/documents/standards/NCATE%20Standards%202008.pdf> (pp. 84-92)
- NIE. (2009). *A teacher education model for the 21 century: a report by the National Institute of Education, Singapore*. National Institute of Education. https://www.nie.edu.sg/docs/default-source/te21_docs/te21-online-version---updated.pdf?sfvrsn=2
- NZTC (2021). *Our code, our standards*. Aotearo New Zealand Teachers Council. <https://teachingcouncil.nz/professional-practice/our-code-our-standards/>
- O'Neill, J., Hansen, S. & Lewis, E. (2014). *Dispositions to teach: Review and synthesis of current components and applications, and evidence of impact*. Report to the Schooling Policy Group, Ministry of Education, Wellington, New Zealand. Institute of Education, Massey University, Manawatu.
- Ontario College of Teachers. (2016). *Foundations of professional practice*. https://www.oct.ca//media/PDF/Foundations%20of%20Professional%20Practice/Foundation_e.pdf
- Ontario Ministry of Education (2008). *Finding common ground: Character development in Ontario schools, K-12*. Toronto. Government of Ontario.
- Ontario Ministry of Education. (2006). *Finding common ground: Character development in Ontario schools, K-12 discussion paper*. Government of Ontario.
- Opatha, H. D. N. P., & Lim, K. T. (2014). *Enhancing your personal Q*. UUM Press.
- Peterson, B. R. (2016). The development of a disposition for reflective practice. In A. G. Welch & S. Areepattamannil (Eds.), *Dispositions in teacher education* (pp. 3-30). Rotterdam: Sense Publishers.
- QCDA (2007). *National curriculum*. Qualifications and Curriculum Development Agency. <http://curriculum.qcda.gov.uk/>
- Rashidi, A., Fakhrol Adabi, A. K. & Ilhamie, A. G. A. (2014). Kemahiran generik: hubungan nilai amanah dengan etika dan moral profesional dalam kalangan pelajar Universiti Teknikal Malaysia (MTUN Universiti). *Journal of Islamic Education* 2(2): 120-133.
- Rohana Hamzah, Tengku Norzaini, T. I., Sarimah Ismail, & Ros Eliana, A. Z. (2013). Pembangunan jiwa pendidik dalam kalangan bakal pendidik. *Jurnal Teknologi*, 61(1), 27-31.
- Saultz, A., Lyons, A. I., Aronson, B., Sander, S. A., & Malin, J. R. (2021). Understanding preservice teacher dispositions: Implications for social justice and educational policy. *Teacher Education Quarterly*, Winter, 1-32.
- Sayani, A. H. (2015). My philosophy of teaching and learning. *Open Access Library Journal*, 2(12), 1.
- Shulman L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundation of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1). February, 1-21.
- Siraj, S., & Ibrahim, M. S. (2012). Standard kompetensi guru Malaysia. In *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTS 2012*, 1-4. https://www.academia.edu/15250433/STANDARD_KOMPETENSI_GURU_MALAYSIA
- Smith, D. M. (2013). A dialogic construction of ethical standards for the teaching profession. *Issues in Teacher Education*, 22(1), 49-62. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1014036.pdf>
- Strom, K., Margolis, J., & Polat, N. (2019). Teacher professional dispositions: much assemblage required. *Teachers college record*, 121(11), 1-28.
- Stronge, J. H. (2018). *Qualities of effective teachers* (3rd ed.). U.S. Association for supervision and Curriculum Development (ASCD).
- Sunley, R., & Locke, R. (2012). Educational professionals' values: Voices from secondary schools in England. *Educational Research*, 54(3), 285-307.
- Tamim, R., M., Colburn, L. K., & Karp, K. (2017). High-quality teachers for high-impact learning. In Michelli N. M., Dada R., Eldridge, D., Tamim, R. M. & Karp, K. (Eds.), *Teacher quality and teacher education quality: Accreditation from a global perspective* (pp. 10). Routledge Taylor and Francis Group.
- Tan, J. P. L., Koh, E., Chan, M., Pamela, C. O., & Hung, D. (2017). *Advancing 21st century competencies in Singapore* [Technical Report]. Asia Society, Center for Global Education. <https://asiasociety.org/sites/default/files/2017-10/advancing-21st-century-competencies-in-singapore.pdf>
- Taylor, R. L., & Wasiczko, M. M. (2000, November). The dispositions to teach. In *Annual Meeting of the South Regional Association of Teacher Education*. https://inside.nku.edu/content/dam/coehs/old/docs/dispositions/resources/The_Dispositons_to_Teach.pdf
- U.S. DoE. (2008). *Digest of education statistics, 2007* (NCES 2008-022). Department of Education, Institute of Education Sciences, National Center for Education Statistics.
- Walker, T. J. (2019). *Development of a teacher dispositions framework*. [Doctoral dissertation]. <https://digitalcommons.latech.edu/dissertations/829>.
- Wanner, T., & Palmer, E. (2018). Formative self-and peer assessment for improved student learning: the crucial factors of design, teacher participation and feedback. *Assessment & Evaluation in Higher Education*, 43(7), 1032-1047.

- West, A. L., Berlin, L. J., & Harden, B. J. (2018). Occupational stress and well-being among Early Head Start home visitors: A mixed methods study. *Early Childhood Research Quarterly*, 44, 288-303.
- Winton, S. (2010). Character development and critical democratic education in Ontario, Canada. *Leadership and Policy in Schools*, 9, 220–237. Taylor & Francis Group, LLC. <https://doi.org/10.1080/15700760903100758>
- Wong, N. K., Shanmugam, K., Chong, Y. F., Chew, W. W., Kong, L. F., & Siti Sazifa Sheikh Sahip (2011). *Pendidikan moral. Malaysia*. Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Young, A., & Wilkins, E. (2008). Dispositional statements on student teacher evaluation instruments: Commonalities across institutions. *The Teacher Educator*, 43(3), 198-215.

Lim Kong Teong
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Universiti Utara Malaysia
E-mel: ktlim@uum.edu.my

Nurul Shahidah binti Ahmad Nasir
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Universiti Utara Malaysia
E-mel: nurul_shahidah3@oyagsb.uum.edu.my

Abdull Sukor bin Shaari
Pusat Pengajian Pendidikan
Universiti Utara Malaysia
E-mel: abdsukor@uum.edu.my